

Headline	Semak semula pengisytiharan harta pegawai, kakitangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nadia Hamid
PR Value	RM 30,390		



# Semak semula pengisytiharan harta pegawai, kakitangan

➔ Semua agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan diarah serah deklarasi mulai hari ini

Oleh Nadia Hamid  
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Wilayah Persekutuan akan menyemak semula status terkini pengisytiharan harta semua kakitangan serta agensi di bawah kementerian itu, berikutan kes penahanan seorang pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Isnin lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata kementerian turut mengarahkan Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Adnan Md Ikhsan dan Bahagian Integriti kementerian, DBKL serta Perbadanan Putrajaya dan Labuan mengambil tindakan segera.

Sambil memaklumkan DBKL sudah mengarahkan semua pe-

gawainya menyerahkan deklarasi pengisytiharan harta terkini bermula hari ini, beliau menasihatkan agensi lain kementerian supaya turut mematuhi arahan berkenaan.

## Teliti garis panduan

“Saya sudah beri arahan dan nasihat kepada semua ketua agensi selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet semalam. Kementerian akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan meneliti garis panduan berkaitan supaya gejala rasuah dapat dibanteras,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Khas Kepada Golongan Asnaf dan Program Baiti Jan-nati Tenaga Nasional Berhad

(TNB), di sini, semalam.

Yang turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mhd Amin Nordin Abd Aziz dan Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

Isnin lalu, SPRM menahan seorang pengarah eksekutif

DBKL bergelar Datuk Seri, selain seorang ketua jabatan di Melaka bergelar Datuk dan seorang pegawai kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Kelantan untuk siasatan kes penyelewengan kuasa, rasuah dan pengubahan wang haram.

Ketika mengulas dakwaan isu tender menyebabkan punca utama rasuah, Tengku Adnan berkata, beliau banyak melaukan perubahan strategi dan

kaedah mendapatkan tender bagi menangani masalah berkenaan bagaimanapun, masih gagal.

“Ramai pegawai tidak suka ‘cara’ saya dan kesannya, banyak masalah timbul. Apa yang boleh kita buat adalah pastikan apa yang kita bayar dapat yang terbaik (projek berjaya),” katanya.

Ketua Pegawai Pembangunan Integriti TNB, Kamal Ariffin Abdullah, berkata syarikat berkenaan memandang serius sebarang kes kesalahan rasuah atau penyalahgunaan kuasa dalam segala urusan.

“Sebagai GLC yang tersenarai, TNB bertanggungjawab mematuhi semua urus tadbir korporat dan mengamalkan integriti sebagai nilai bersama setiap warga kerjanya,” katanya dalam kenyataan.

Headline	Semak semula pengisytiharan harta pegawai, kakitangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nadia Hamid
PR Value	RM 30,390		



Kementerian akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan meneliti garis panduan berkaitan supaya gejala rasuah dapat dibanteras”

**Tengku Adnan  
Tengku Mansor**  
Menteri Wilayah Persekutuan